

## **MRT kurang 34,400 tan karbon dioksida setahun**

Pengoperasian Mass Rapid Transit (MRT) yang dilancarkan Disember lalu dijangka menyumbang kepada pengurangan gas karbon dioksida 34,400 tan setahun.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kementeriannya menyasarkan pengurangan pencemaran karbon dioksida sebanyak 300,000 tan menjelang 2030.

Ia adalah satu langkah mitigasi yang boleh membantu negara mencapai sasaran dalam Nationally Determined Contribution (NDC) yang dikemukakan kepada United Nations

Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) di bawah Perjanjian Paris 2015.

“Dengan pengoperasian MRT, selain mengurangkan pencemaran udara terutama di bandar Kuala Lumpur, ia juga membawa kebaikan daripada sudut ekonomi masyarakat kerana harga yang lebih murah berbanding menggunakan kenderaan sendiri atau teksi.

“Secara tidak langsung, kualiti hidup di Kuala Lumpur semakin terjamin dan meningkat,” katanya pada sidang media ketika mengadakan lawatan kerja meninjau projek MRT, di ibu negara semalam.